

**NEGLECT OF CHILDREN'S RIGHTS AMID THE COVID-19 PANDEMIC**

**PENGABAIAH HAK KANAK-KANAK SEMASA PANDEMIK COVID-19**

Siti Nurjannah Saifollah <sup>i</sup> & Wafaa' Yusof <sup>ii</sup>

<sup>i</sup> Pelajar Pascasiswazah, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). jannasayf1701@gmail.com

<sup>ii</sup> (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). wafaa@ukm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>Data from the Department of Social Welfare recorded an increase in cases of child abuse and neglect during the COVID-19 pandemic from around March 2020 to March 2021, with a total of 1,910 cases involving 686 cases of physical abuse, 606 cases of sexual abuse, 63 cases of emotional abuse, and 555 cases of child neglect. The failure of law enforcement to effectively address and monitor cases of child neglect during the COVID-19 pandemic is one of the main reasons for the surge in abuse cases. Therefore, one of the objectives of this article is to examine the concept of child neglect according to Islam and legislation, identify the factors contributing to the increase in child neglect cases during the COVID-19 pandemic, and subsequently analyze the effectiveness of law enforcement in these child neglect cases during that period. This qualitative study, focusing on case studies and comparative studies, relies on document analysis methods such as texts from the Quran and Hadith, tabloid reports, journal articles, scholarly writings, statutes, and relevant court cases related to the discussed issue. The findings of this article indicate that there are existing laws to address neglect, but there are still gaps that need improvement to ensure the rights of neglected child victims can be upheld.</i></p> <p>Keywords: <i>Neglect, Children's, Rights, Pandemic, COVID-19.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Data daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat merekodkan peningkatan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak dalam tempoh pandemik COVID-19 sekitar Mac 2020 sehingga Mac 2021 adalah sebanyak 1,910 kes membabitkan 686 kes penderaan fizikal, 606 kes penderaan seksual, 63 kes melibatkan emosi dan pengabaian kanak-kanak sebanyak 555 kes. Kegagalan penguatkuasaan undang-undang untuk menangani dan memantau kes-kes pengabaian kanak-kanak secara efektif dalam tempoh pandemik COVID-19 merupakan antara penyebab utama berlakunya lonjakan kes penderaan ini. Justeru, antara objektif penulisan ini adalah untuk mengkaji konsep pengabaian kanak-kanak menurut Islam dan perundangan, mengenalpasti faktor-faktor berlakunya peningkatan kes-kes pengabaian kanak-kanak semasa pandemik COVID-19 dan seterusnya menganalisis keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dalam kes pengabaian kanak-kanak dalam tempoh tersebut. Metod kajian kualitatif yang mengarah kepada kajian kes dan kajian perbandingan ini tertumpu kepada kaedah analisis dokumen seperti teks-teks Al-Quran, laporan tabloid, artikel jurnal, penulisan ilmiah, statut-statut serta kes-kes mahkamah yang berkaitan dengan isu yang ingin dibahaskan. Penelitian artikel ini menunjukkan penguatkuasaan undang-undang berkenaan pengabaian itu wujud namun</i></p>

	<i>masih terdapat lakuna yang perlu ditambahbaik untuk memastikan hak kanak-kanak mangsa pengabaian dapat ditegakkan.</i>
--	---

	Kata kunci: <i>Pengabaian, Hak, Kanak-kanak, Pandemik, COVID-19.</i>
--	--

## PENGENALAN

Melihat kepada realiti semasa, isu pengabaian kanak-kanak terutamanya dari aspek fizikal dan mental kian membimbangkan. Statistik kes yang direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat berkenaan isu ini kian meningkat khususnya semasa fasa Perintah Kawalan Pergerakan akibat COVID-19. Polemik yang sudah lama membarah ini akan memberi impak serius kepada kanak-kanak seperti kecederaan, trauma malah boleh meragut nyawa.

Sebagaimana yang diketahui, salah satu daripada tujuan kewujudan atau pelaksanaan undang-undang dan hukuman terhadap kesalahan pengabaian atau penganiayaan adalah untuk menegakkan keadilan dan menjamin hak kanak-kanak daripada diceroboh. Oleh itu, penulisan artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti konsep pengabaian kanak-kanak yang dimaksudkan menurut Islam dan perundangan, faktor-faktor mendorong peningkatan situasi-situasi pengabaian kanak-kanak semasa COVID-19 seterusnya melihat keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dalam kes pengabaian kanak-kanak semasa pandemik COVID-19.

## METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dengan menganalisis kandungan sumber sekunder iaitu daripada pembacaan buku-buku, jurnal, seminar, tesis, statut, dan termasuk hasil kajian-kajian terdahulu dengan melihat faktor-faktor melibatkan kes pengabaian. Penyelidik akan menggunakan laman web rasmi dalam mendapatkan maklumat terperinci dan sistematik yang bersesuaian dengan objektif kajian.

## SOROTAN LITERATUR

### Konsep Pengabaian Kanak-Kanak Menurut Islam dan Perundangan

Melalui Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara, penderaan merupakan pencabulan serius terhadap kanak-kanak dan mampu memberi impak serius terhadap kesihatan mental, pertumbuhan fizikal kanak-kanak, kesejahteraan dan kelangsungan hidup mereka. Menurut portal *MyHealth* KKM, penderaan merangkumi semua jenis penderaan fizikal, emosi, penderaan seksual, termasuklah eksploitasi komersial kanak-kanak yang mengakibatkan kecederaan fizikal, merosakkan kesihatan emosi kanak-kanak dan menjatuhkan harga diri.

*World Health Organization* (WHO) (1999) mendefinisikan penganiayaan kanak-kanak sebagai semua bentuk penganiayaan, penderaan, pengabaian atau eksploitasi yang menyebabkan kemudaratan yang jelas atau berpotensi memudaratkan kesihatan kanak-kanak, pembangunan kelangsungan hidup atau maruah. Definisi tersebut jelas menunjukkan bahawa penganiayaan merupakan pelanggaran terhadap hak kanak-kanak.

Idea 'pengabaian kanak-kanak' merupakan suatu bentuk penganiayaan terhadap kanak-kanak (Mohammad Ramzi Zakaria, 2015; Depanfilis, 2018; Linda Jamaluddin, 2020) dan sering dikaitkan dengan 'penderaan kanak-kanak' kerana agak sukar untuk membezakan antara keduanya. Walau bagaimanapun, Anjli Doshi-Gandhi (2014) menyatakan bahawa kedua-dua istilah ini tidak merujuk kepada maksud yang sama biarpun sering digunapakai secara silih berganti (*Positive Parenting*). Tambahan pula, pengabaian kanak-kanak kurang diberi perhatian berbanding dengan kanak-kanak mangsa penderaan fizikal dan seksual. Pengabaian merupakan salah laku yang tidak boleh dipandang enteng di sisi undang-undang kerana dampaknya memberi kesan yang besar khususnya kepada kehidupan kanak-kanak. Pengabaian sering terjadi kepada kanak-kanak apabila hal ehwal dan kebajikan mereka tidak diambil endah.

Pengabaian menurut perundangan Islam sering dikaitkan dengan istilah kecuiaan. Kecuaian dalam Bahasa Arab ialah *tafrit* atau *taqsir* yang membawa maksud meninggalkan tanggungjawab dan kewajipan terhadap sesuatu perkara dan secara tidak langsung mengundang mudarat kepada individu lain dalam perkara yang tidak diharuskan oleh syarak (al-Zuhayliyy, 1998; Ibn Manzur, t.t). Dalam erti kata lain, sebarang peninggalan yang boleh mengundang mudarat kepada kanak-kanak merupakan perkara yang ditegah oleh Islam. Istilah *tafrit* ini boleh dirujuk dalam al-Qur'an:

﴿أَنْ تَقُولَ نَفْسٌ يُحْسِرْتَنِي عَلَىٰ مَا فَرَطْتُ فِي جَنْبِ اللَّهِ وَإِنْ كُنْتُ لَمِنَ السَّخِرِينَ﴾

Maksudnya: “(Diperintahkan demikian) supaya jangan seseorang (menyesal dengan) berkata: Sungguh besar sesal dan kecewaku kerana aku telah mencuaikan kewajipan-kewajipanku terhadap Allah serta aku telah menjadi dari orang-orang yang sungguh memperolok-olokkan (agama Allah dan penganut-penganutnya)” (al-Qur'an. al-Zumar: 56)

Penelitian dari sudut perundangan pula, istilah *tafrit* merujuk kepada perbuatan atau tindakan yang sepatutnya dilakukan atau ditinggalkan oleh individu yang berfikiran waras. Namun begitu, istilah kecuiaan tidak dinyatakan secara spesifik oleh ulama klasik dan kontemporari (al-Suyutiyy, 1990; Ibn Manzur, t.t; Abdul Basir, 2009). Justeru, perbincangan berkenaan pengabaian dalam Islam hanya berlaku secara umum. Namun begitu, para pemerintah dan pihak berautoriti dibolehkan untuk menetapkan peruntukan undang-undang yang bersesuaian serta mendefinisikan dan mengkategorikan pengabaian ke dalam kategori yang lebih terperinci dan jelas demi kemaslahatan kanak-kanak.

Dakwaan tiada perbincangan atau perincian konsep pengabaian dengan jelas dalam perundangan Islam oleh orientalis Barat, Joseph Scahcht (1964) dalam penulisannya: “*the concept of negligence is unknown to Islamic law*” wajar ditolak.

Kanak-kanak merupakan insan yang lemah dan selalu didominasi dari sudut membuat keputusan oleh orang yang lebih dewasa. Golongan lemah ini perlu dilindungi dan hak mereka perlu dibela agar mereka tidak mengalami penderitaan. Anjuran untuk memelihara golongan lemah ini disebut dalam al-Qur'an:

﴿وَمَا لَكُمْ لَا تُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمِ أَهْلُهَا وَاجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَاجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا﴾

Maksudnya: “Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas daripada kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: “Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Makkah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami daripada pihak-Mu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah bagi kami daripada pihak-Mu seorang pemimpin yang membela kami (daripada ancaman musuh)” (al-Qur'an. An-Nisa': 75).

Pendekatan perlindungan terhadap kanak-kanak dapat dihayati dengan melihat kepada definisi kanak-kanak menurut Islam dan perundangan. Istilah kanak-kanak dikaitkan dengan istilah *al-sighar* iaitu tempoh seseorang semenjak kelahirannya sehinggalah dia bermimpi (*baligh*) (al-Shawkaniyy, 2002). Apabila seorang kanak-kanak telah mencecah *baligh*, maka dia sudah bukan lagi dikategorikan sebagai seorang kanak-kanak. Juhur fuqaha (Syafie, Hanafi dan Hanbali) bersepakat memutuskan had umur *baligh* bagi kanak-kanak setelah mencapai umur 15 tahun (Ibn Qudamah, 1969). Manakala majoriti mazhab Maliki berpendapat usia *baligh* berlaku pada usia 18 tahun (al-Jaziriyy 1986). Sementara itu, Akta Kanak-Kanak 2001 dilihat selari dengan Konvensyen Hak Kanak-Kanak iaitu menetapkan bahawa kanak-kanak adalah individu yang berusia di bawah 18 tahun.

Dari perspektif Islam, penekanan terhadap perlindungan hak kanak-kanak adalah selari dengan kehendak *maqasid al-shari'ah*. Ini kerana ianya sangat berkait rapat dengan perlindungan kepentingan dan hak diri serta masyarakat. *Maqasid al-shari'ah* merangkumi lima aspek utama yang perlu diambil perhatian; penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Oleh itu, urusan perlindungan kanak-kanak juga perlu berasaskan kepada *maqasid al-shari'ah* dalam mempertimbangkan *maslahah* dan *mafsadah* kanak-kanak (Suhaizad et. al, 2021).

Perlindungan terhadap kanak-kanak sudah menjadi tanggungjawab ibu bapa seperti yang telah digariskan dengan jelas dalam firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari Neraka yang bahan-bahan bakarnya: Manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan" (Al-Qur'an. At-Tahrim: 6).

Sebelum pindaan berlaku, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) memperuntukkan salah laku terhadap kanak-kanak termasuk penderaan dan pengabaian serta penjelasan berkenaan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah. Di dalam akta ini, mana-mana orang yang mempunyai pemeliharaan seorang kanak-kanak dan kemudiannya mendera atau mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak itu hingga dia mengalami kecederaan fizikal atau emosi ataupun menganiaya seks boleh dihukum penjara tidak lebih daripada 10 tahun atau denda tidak melebihi 20 ribu ringgit jika disabitkan dengan kesalahan (Jal Zabdi, 2010).

Pindaan kepada AKK pada tahun 2016 telah menaikkan hukuman denda dari RM20,000 kepada RM50,000 dan tempoh hukuman penjara ditambah dari sepuluh tahun kepada 20 tahun menggambarkan bahawa Parlimen memandang berat ke atas kesalahan penderaan terhadap kanak-kanak.

Di Malaysia, undang-undang Islam terpakai seperti mana diperuntukkan oleh Enakmen Pentadbiran Negeri masing-masing. Peruntukan berkaitan hak kanak-kanak dalam kesemua Enakmen Pentadbiran Negeri dilihat sangat terhad kerana hanya merangkumi peruntukan nafkah dan hadhanah sahaja. Biar pun Malaysia mengamalkan sistem dwikehakiman, namun peruntukan undang-undang syariah di negara kita tidak menjelaskan konsep pengabaian secara jelas. Peruntukan sedia ada berkaitan perkara-perkara tertentu hanya boleh mengaitkan dengan keengganan atau ketidakbertanggungjawaban ibu bapa dalam menyediakan keperluan dan hak kanak-kanak dengan sewajarnya. Kesannya, kanak-kanak terdedah dengan situasi pengabaian dan seterusnya ibu bapa berkenaan boleh kehilangan hak penjagaan anak-anak.

Peruntukan sedia ada dalam enakmen berkenaan perkara ini adalah seperti apa yang dinyatakan dalam Seksyen 87 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perak yang mana hak kanak-kanak dalam peruntukan ini dilihat dari pengurusan hadhanah dan perkara kebajikan yang berkaitan dengannya. Ini membuka tanggapan negatif terhadap perundangan Islam walaupun pada hakikatnya hukum syarak telah menggariskan prinsip *maqasid al-shari'ah* untuk memelihara dan melindungi hak kanak-kanak (Ramzi Zakaria, 2015).

### **FAKTOR-FAKTOR PENINGKATAN KES-KES PENGABAIAN DI MALAYSIA SEMASA PANDEMIK COVID-19**

Di Malaysia, pengabaian dan penganiayaan kanak-kanak berlaku kesan daripada pelbagai sudut. Faktor-faktor yang menyebabkan situasi pengabaian atau penganiayaan ini telah difokuskan kepada dua aspek berbeza iaitu sosial dan ekonomi.

### **Pengabaian Hak Kanak-kanak dari Aspek Sosial**

Penularan wabak COVID-19 telah mengakibatkan kebanyakan negara melaksanakan penjarakan sosial dan penutupan sempadan negara (Sood, 2020). Langkah pragmatik ini diambil bagi membendung penularan virus tersebut. Sejak kemunculan wabak itu, mod pembelajaran telah berubah kepada model pembelajaran jarak jauh dari rumah (Golberstein, 2020). Kesan daripada pandemik COVID-19 ini, kanak-kanak mengalami adaptasi sosial yang drastik di mana tempoh masa untuk menetap di rumah adalah lebih lama daripada waktu sebelum pandemik berlaku. Pengehadan aktiviti sosial kanak-kanak seperti bermain, perjalanan ke sekolah, berjumpa dan bergaul dengan rakan-rakan sedikit sebanyak mewujudkan tekanan dan kemurungan kepada mereka (Singh et al., 2020). Kajian Orgiles (2020) menyokong pernyataan tersebut. Kebanyakan ibu bapa memantau keadaan emosi dan aktiviti anak-anak mereka semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Mereka mendapati anak-anak mereka cenderung mengalami keresahan, keletihan kesunyian dan kegelisahan sepanjang PKP.

Kesejahteraan sosial merupakan suatu keadaan di mana faktor-faktor deprivasi sosial berjaya dihalang atau dihilangkan. Untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang optimum, seseorang kanak-kanak perlulah berada di tahap deprivasi yang rendah (Tomlinson et al., 2008). Secara konsepnya, kesejahteraan sosial diukur secara psikologi dengan melihat kualiti hidup individu dan kelompok masyarakat; termasuklah kanak-kanak. Ia merangkumi beberapa dimensi seperti kegembiraan, kepuasan hidup, harga diri, kecekapan diri, kehidupan berkeluarga, pekerjaan, pendidikan dan kewangan (McLead, 2008). Ringkasnya, kesejahteraan sosial individu adalah apabila mereka dapat memenuhi kepuasan hidup, kegembiraan, dan keperluan seperti barangan yang mencukupi atau perkhidmatan sosial yang efisien. Malah kesejahteraan sosial turut dirujuk apabila seseorang itu bebas daripada sebarang tekanan, kemelaratan, rasa gembira, mampu mengatasi rasa sedih yang berpanjangan, hidup yang positif (Atchley, 2004).

Fasa pandemik telah mencetuskan deprivasi sosial bukan sahaja terhadap kanak-kanak malah turut memberi kesan kepada seluruh anggota masyarakat. Ini dibuktikan dengan peningkatan kes keganasan rumah tangga sepanjang tempoh PKP (Ghosh et al., 2020). Kerisauan ibu bapa berkenaan keadaan kewangan, kesihatan serta tekanan di rumah mempengaruhi kecenderungan untuk berlaku kasar di rumah. Anak-anak pula merupakan insan terdekat dan paling terdedah kepada tindakan kasar dan luar kawal ibu bapa atau penjaga. Mereka juga menjadi mangsa kepada kemiskinan dan kemelaratan disebabkan ibu bapa gagal untuk menyediakan keperluan asas dalam kehidupan dek kerana kehilangan punca pendapatan dalam tempoh pandemik yang melanda.

Situasi pengabaian kanak-kanak ini boleh dikategorikan kepada dua keadaan iaitu situasi di rumah dan situasi di tempat awam (Nurul Izzah Izzati et al., 2019). Persekitaran sosial kanak-kanak merangkumi ahli keluarga, guru, rakan, peraturan, budaya dan perpindahan tempat tinggal mempengaruhi proses tumbesaran kanak-kanak (Rohayati Junaidi, 2020). Zakaria Stapa et al. (2012) menjelaskan bahawa, pembentukan tingkah laku seseorang dipengaruhi oleh persekitaran sosial yang terdiri daripada ibu bapa, guru, rakan sebaya, masyarakat dan media massa yang diterima sepanjang kehidupan. Ini selaras dengan kajian Noralina Omar (2018), ahli keluarga merupakan individu terdekat dalam kelompok persekitaran seseorang seperti ibu bapa dan adik-beradik. Keluarga yang bahagia memiliki komunikasi yang baik antara anggota keluarga. Hubungan yang tegang serta tiada jalinan komunikasi yang aktif antara ahli keluarga sangat mempengaruhi perkembangan emosi serta hubungan sosial kanak-kanak bersama ahli keluarga mereka. Ahli keluarga yang kurang mengambil berat, kurang berinteraksi dengan kanak-kanak menyebabkan mereka kurang nilai kasih sayang dan kemesraan dengan ahli keluarga (Rohayati Junaidi, 2020).

Interaksi sosial era pandemik telah beralih kepada mod atas talian. Penggunaan media sosial memudahkan orang ramai kekal berhubung dan berkongsi kisah kehidupan secara maya. Apa yang menimbulkan isu di sini, perkongsian melalui media sosial secara berlebihan oleh ibu bapa atau istilah lainnya *sharenting*. Pada Mei 2012, terma *sharenting*

ini telah diperkenalkan oleh Steven Leckart, penulis dalam Wall Street Journal. Ianya merupakan kombinasi istilah *'oversharing'* dan *'parenting'*; menekankan tindakan ibu bapa yang berkongsi maklumat anak mereka secara tidak terkawal seperti gambar sonogram dan gambar tapak kaki bayi. Hal ini menimbulkan isu privasi bayi. Tambahan pula, kanak-kanak berisiko terdedah kepada bahaya penculikan digital (Amira & Safinaz, 2020), iaitu pencurian gambar-gambar bayi oleh orang-orang yang tidak dikenali, kemudian dimuatnaik semula seolah-olah ianya adalah gambar milik mereka dengan nama dan cerita yang baharu (O'Neill, 2015).

Steinberg, dalam kajiannya, menyatakan bahawa kanak-kanak juga memiliki hak untuk bersuara berkenaan isu privasi mereka (Steinberg, 2016). Tindakan ibu bapa yang tidak mengendahkan hal demikian dianggap menindas kepentingan hak privasi anak mereka. Hal ini kerana, mereka cenderung untuk berasa kurang selesa dengan perkongsian berkenaan diri mereka melalui media sosial. Tambahan pula, bahan-bahan yang telah dimuatnaik bersifat kekal dalam Internet untuk selama-lamanya (Anis Shuhaiza & Nor Azlina, 2019). Pengabaian hak privasi boleh mengganggu gugat keselamatan diri kanak-kanak tanpa sedar.

### **Pengabaian Hak Kanak-kanak dari Aspek Ekonomi**

Fasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan atau lockdown sememangnya mempengaruhi kehidupan rakyat. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan segala aktiviti ekonomi terganggu, kualiti hidup menurun, dan prospek pertumbuhan di dunia menjadi runcing (ASEAN Policy Brief, 2020).

Kesempitan wang yang membelenggu hidup mendorong seseorang atau dalam konteks keluarga; ibu bapa bertindak di luar kawalan mereka (Noremy et al., 2012). Conger, Lorenz, dan Simons (2002) dalam kajiannya telah menyimpulkan, tekanan emosi dihadapi ibu bapa akibat kekangan ekonomi yang dihadapi lalu memberi respons negatif antaranya; cepat meradang, marah serta cenderung untuk menyerang kanak-kanak berlaku apabila berada di bawah tekanan.

Menurut Noor Baiduri (2011), faktor ekonomi adalah faktor dominan untuk semua masalah yang dialami oleh kebanyakan keluarga di Malaysia. Ibu bapa yang sibuk berkerjaya, cenderung kurang masa bersama keluarga. Status sosioekonomi sesebuah keluarga mempunyai hubungkait dengan hubungan ahli keluarga, sama ada secara negatif atau positif.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) antara penyumbang peningkatan kejadian pengabaian kanak-kanak. Faktor luaran dan persekitaran seperti masalah kewangan dan keadaan persekitaran, tiada pekerjaan tetap serta kehilangan pekerjaan boleh menyebabkan *'trigger'* secara tidak langsung mendedahkan diri mereka kepada tekanan emosi (Muhammad Amnan Ibrahim, 2021) Selain itu, isu pengabaian berlaku kesan daripada hilang pekerjaan menyebabkan suami culas dalam pemberian nafkah (Rubiah Omar, 2021).

Tuntutan kehidupan masa kini, telah banyak menuntut seseorang untuk memberikan komitmen dan masa yang lebih di tempat kerja berbanding di rumah. Hal ini sedikit sebanyak telah mengubah peranan sistem berkeluarga. Ibu juga turut bekerja bagi menampung dan memenuhi tuntutan hidup (Norhayati, 2012). Kesibukan ibu bapa mencari nafkah mewujudkan jurang antara mereka dan anak-anak. Isu ini wujud kerana kebanyakan ibu perlu keluar bekerja untuk memenuhi keperluan hidup yang semakin meningkat (Adawiyah & Atikullah, 2010). Ketidalcukupan pemberian nafkah akan memberikan kesan dalam jangka masa yang panjang. Tambahan pula, ianya dianggap menyimpang dari tujuan asal, iaitu pemeliharaan *maqasid al-shari'ah* dalam seluruh aspek kehidupan.

Keperluan pendidikan kanak-kanak terabai apabila mod pembelajaran beralih ke arah digital. Kemiskinan digital menghalang pendidikan berkualiti khususnya bagi keluarga kurang berkemampuan (Mohamad Ika Danial, 2021).

Pandemik COVID-19 yang melanda bukanlah suatu permulaan kepada isu pengabaian kanak-kanak di negara kita. Peningkatan bilangan kes menunjukkan keperluan terhadap langkah pencegahan dan pembendungan secara holistik bagi mengurangkan risiko kanak-kanak terus terabai Justeru, badan berautoriti serta peruntukan undang-undang di Malaysia adalah metod yang dapat menjamin masa depan yang lebih baik buat mangsa pengabaian.

### **PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG UNTUK MENANGANI DAN MEMANTAU KES-KES PENGABAIAN KANAK-KANAK**

Di Malaysia, usaha-usaha untuk memastikan bahawa pelaksanaan tanggungjawab dilakukan dengan baik diikat melalui pelaksanaan peruntukan undang-undang, selari dengan maksud konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak 1989. Antaranya ialah Akta Kanak-Kanak 2001 (Jal Zabdi & Zulazhar, 2005), Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, Kanun Keseksaan dan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 di Mahkamah Awam. Keunikan sistem dualisme dalam sistem judisiari di Malaysia dapat dilihat melalui peranan Mahkamah Syariah dalam menguatkuasakan undang-undang bagi melindungi hak kanak-kanak. Namun begitu, pemakaian undang-undang syariah di negara ini terbatas hanya kepada orang Islam sahaja.

Akta Kanak-Kanak 2001 khususnya dalam seksyen 31 telah memperuntukkan perlindungan tentang penganiayaan, pengabaian, pembuangan dan pendedahan kanak-kanak. Seksyen 31(1)(a) menyatakan bahawa adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak, menganiayai, mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin akan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal atau emosi. Justeru, melalui seksyen ini, tanggungjawab memelihara kanak-kanak itu tidak terletak kepada ibu bapa sahaja malah ianya skop yang lebih luas, iaitu kepada sesiapa yang memiliki hak pemeliharaan dan penjagaan bagi kanak-kanak berkenaan.

Manakala seksyen 33 jelas menyentuh tentang kesalahan ibu bapa, penjaga atau individu yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak itu sekiranya membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan. Bagaimanapun, beberapa elemen penting seperti, meninggalkan dalam suatu tempoh yang tidak berpatutan, dalam keadaan yang tidak berpatutan itu perlu dibuktikan untuk mensabitkan kesalahan ini ke atas ibu bapa, penjaga atau individu yang memelihara kanak-kanak berkenaan.

Akta ini tidak memperuntukkan secara khusus berkenaan gangguan seksual dan hanya menyatakan penderaan seksual di bawah seksyen 31(1) (b). Sebelum berlakunya pindaan, seksyen 31 (1) (b) Akta Kanak-kanak 2001 menyatakan bahawa “mana-mana orang, yang merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak (b) yang menganiayai dari segi seks kanak-kanak itu atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai sedemikian, suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya (Baljit Singh Sindhu, 2003). Pindaan seksyen 31(1)(b) Akta Kanak-Kanak 2001 telah memberi penegasan bahawa hukuman ke atas kesalahan pengabaian sewajarnya diberikan hukuman yang berat dengan tujuan untuk pencegahan (*deterrent*) kesalahan tersebut daripada berlaku. Hal ini menunjukkan bahawa hukuman yang dikenakan adalah kurang menyeluruh dan tidak memberi kesan besar kepada pesalah. Selain itu, Kanun Keseksaan juga masih terdapat kekeliruan dan kesamaran berhubung seksyen 509 dan seksyen 354 berhubung perlindungan kanak-kanak daripada gangguan seksual. Dalam hal ini, kerajaan seharusnya memainkan peranan dengan menggubal undang-undang yang mengenakan kewajipan tertentu ke atas ibu bapa atau penjaga bagi menjaga kebajikan, kepentingan atau kesejahteraan kanak-kanak yang berada di bawah jagaan mereka.

Kanun Keseksaan hanya menyediakan beberapa peruntukan secara umum yang boleh digunakan oleh mangsa gangguan seksual bagi membela diri mereka dan supaya pelaku jenayah gangguan seksual ini didakwa atas kesalahan tersebut. Antaranya adalah

seksyen 354 yang memperuntukkan berhubung serangan atau penggunaan kekerasan jenayah dengan niat untuk mencabul kehormatan mangsa. Hukuman dikenakan adalah penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana dua daripada hukuman tersebut. Manakala seksyen 355 memperuntukkan kesalahan yang melibatkan kekerasan jenayah ke atas mangsa bagi tujuan menjatuhkan maruah mangsa. Jika disabitkan kesalahan, pelaku jenayah boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 2 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali. Selain itu, seksyen 377D berhubung penghinaan terhadap kesopanan. Jika disabitkan kesalahan, pelaku boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 2 tahun dan seksyen 509 adalah mengenai perkataan atau isyarat yang bertujuan menghina maruah seseorang. Jika disabitkan kesalahan, pelaku boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 5 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Peruntukan yang sama dilaksanakan dan dikuatkuasakan untuk menangani dan memantau kes-kes pengabaian dan penderaan kanak-kanak dalam tempoh pandemik. Sewajarnya, undang-undang tersebut dikuatkuasakan dengan lebih ketat dan tegas bagi mengelak kes pengabaian kanak-kanak dalam tempoh tersebut mencatat lonjakan jumlah yang luar biasa. Undang-undang sedia ada ini seharusnya boleh dikuatkuasakan dalam apa jua keadaan yang mendatang dan kehadiran faktor-faktor baru kesan dari penanganan pandemik COVID-19 bukanlah satu kekangan dalam pelaksanaannya secara efisien.

### **ANALISIS SOROTAN LITERATUR**

Sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), wujudnya peningkatan kes pengabaian atau penganiayaan terhadap kanak-kanak di peringkat domestik.

### **Peningkatan Kes-Kes Pengabaian Kanak-Kanak Semasa Pandemik COVID-19**

Pengabaian kanak-kanak berlaku dari aspek fizikal, emosi, seksual, pendidikan, keselamatan, makanan berkhasiat dan sebagainya (Ramzi Zakaria 2015). Oleh itu, semua pihak perlu mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menjamin perkembangan dan hak keadilan kanak-kanak terpelihara.

Pengabaian dan penderaan kanak-kanak termasuklah perbuatan meninggalkan hak-hak mereka secara sengaja menunjukkan sifat tidak bertanggungjawab individu yang diberi amanah atau tanggungjawab untuk memelihara kanak-kanak berkenaan. Definisi 'penderaan dan pengabaian kanak-kanak' yang digunakan di sesebuah negara adalah berbeza jika dibandingkan dengan negara lain. Crosson-Tower (2014) berpendapat bukti kukuh menunjukkan seseorang kanak-kanak mangsa pengabaian adalah mangsa penganiayaan sukar dibuktikan kerana ketiadaan bukti kecederaan fizikal seperti mana yang dialami kanak-kanak mangsa penderaan fizikal dan seksual. Justeru, sorotan literatur berkaitan dengan kanak-kanak mangsa pengabaian masih terbatas berbanding dengan kanak-kanak mangsa penderaan fizikal dan seksual.

### **Ketidakterkesan Undang-Undang Untuk Menangani Kes Pengabaian Kanak-Kanak**

Undang-undang yang telah termaktub memberi peruntukan perlindungan kepada kanak-kanak yang terabai. Namun begitu, lakuna dalam peruntukan undang-undang menyebabkan perlindungan secara holistik kepada mangsa tidak dapat diaplikasikan. Undang-undang yang diperuntukkan dengan tujuan melindungi hak dan kebajikan kanak-kanak menunjukkan bahawa pihak kerajaan mengambil tindakan serius dalam mengatasi sebarang bentuk kecuai, pengabaian, penderaan dan jenayah-jenayah melibatkan kanak-kanak. Beberapa statut seperti Akta Kanak-kanak 2001, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan Kanun Keseksaan digubal bagi menjamin keselamatan, kebajikan, kesejahteraan dan perkembangan kanak-kanak. Menerusi statut ini, wujudnya beberapa program perlindungan khusus untuk kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan dan pengabaian.

Namun, sejauhmanakah undang-undang sedia ada ini mampu dikuatkuasakan sepenuhnya semasa dalam tempoh pandemik COVID-19? Kebanyakan kes pengabaian kanak-kanak, tidak diketahui berlaku disebabkan norma baru yang dilaksanakan semasa tempoh pandemik seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memberi impak yang mendalam kepada corak kehidupan masyarakat. Penguatkuasa undang-undang juga mengalami masalah menjalankan operasi atau bertindak terhadap aduan dan laporan berkaitan kes-kes pengabaian yang berlaku. Prosedur operasi standard (SOP) yang agak kabur menyukarkan mereka untuk bertindak. Malah kerjasama dari masyarakat juga sukar diperoleh kerana sikap berhati-hati masyarakat dalam penjagaan SOP dan kegerunan mereka terhadap penularan COVID-19 ini. Keadaan ini memberi kesan kepada pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang semasa pandemik ini melanda.

Oleh itu, permasalahan yang timbul rentetan dari sorotan literatur yang dianalisis perlu diselesaikan dengan suatu kajian yang lebih mendalam bagi mengkaji konsep pengabaian kanak-kanak, mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong peningkatan kes-kes pengabaian kanak-kanak semasa pandemik Covid 19 dan seterusnya menganalisis sejauhmana penguatkuasaan undang-undang dalam kes pengabaian kanak-kanak ini berkesan dalam tempoh pandemik.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, jelaslah bahawa tanggungjawab memelihara dan menyediakan keperluan kanak-kanak adalah di bawah tanggungjawab ibu bapa, penjaga atau individu yang berkemampuan untuk menjaga mereka. Pengabaian kanak-kanak di Malaysia juga turut berlaku peningkatan yang serius terutama pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti faktor interaksi sosial yang terbatas, tekanan emosi dan kesempitan wang. Selain itu, berdasarkan kajian ini, didapati bahawa sememangnya ketegasan dalam penguatkuasaan undang-undang adalah perlu untuk memastikan hak kanak-kanak tidak terabai. Pindaan hak kanak-kanak oleh Parlimen membuktikan bahawa darjah keseriusan kes pengabaian kanak-kanak tidak boleh dipandang sebelah mata. Namun, penguatkuasaan undang-undang ini semasa pandemik COVID-19 agak mencabar dan banyak halangan serta kekangannya. Kekaburan Prosedur Operasi Standard (SOP) menyebabkan peruntukan sedia ada tidak dapat melindungi kanak-kanak secara holistik. Justeru itu, kajian yang lebih teliti dan mendalam perlu dibuat untuk menjawab persoalan dari permasalahan yang ditimbulkan ini.

## RUJUKAN

### Buku

- Abdul Basir Mohamad. 2009. *Undang-undang Tort Islam*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Jaziriyy, A.R. 1986. *Fiqh 'Ala Mazhab Arba'ah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Suyutiyy, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. 1990. *Al-asybah wa al-Nazair fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Shafi'yyah*. Jil. 1. Kaherah: Muassasah Al-Halabi. 240.
- al-Shawkaniyy. 2002. *Fath al-Qadr*. Beirut: 'Alim al-Kutub. Hlm: 1036.
- al-Zuhayliyy, Wahbah. 1998. *Nazariyyah al-Dhaman aw Ahkam al-Mas'uliyah al-Madaniyyah wa al-Jina'iyah fi al-Fiqh al-Islamiyy*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Atchley, R.C. 2004. *Social forces and aging: An introduction to social gerontology*. 10<sup>th</sup> ed. Thomson Learning, United States.
- Besharov, D.J. 1990. *Recognizing child abuse: a guide for the concerned*. New York: The Free press.
- Cynthia Crosson-Tower. 2014. *Understanding Child Abuse and Neglect*. 9<sup>th</sup> Ed. Pearson. United States.
- Ibn Manzur & Muhammad Ibn al-Mukarram al-Khazrajiyy. t.t. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.

- Ibn Qudamah, Abi Muhammad Abdallah bin Ahmad bin Muhammad. 1969. *al-Mughniyy*. Kaheerah: Matba'ah al-Kaheerah. 345.
- Jal Zabdi Mohd Yusof. 2010. *Jenayah Penderaan Kanak-Kanak*. Penerbit Universiti Malaya.
- Mc Lead, D.M. 2008. *Quality of Life Indicators*. In: *Lavrakas PJ (ed) Encyclopedia of Survey Research Methods*. Vol. 2., 651-652. Oaks, California: Sage Publication.
- Noralina Omar. 2018. *Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak*. Penerbit Universiti Malaya. Hlm. 100-116.
- Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa Yusof & Zuliza Mohd Kusrin. 2022. *Jaminan Perundangan Terhadap Pengabaian Dan Kecuaian Kanak-Kanak Di Malaysia*. Penerbit UKM.
- Schacht, Joseph. 1964. *An Introduction to Islamic Law*. Oxford: Clarendon Press.

### Jurnal

- Adawiyah Ismail & Atikullah Abdullah. 2010. *Peranan wanita dalam pembentukan keluarga berkualiti menurut Islam: kes wanita berkerjaya di Putrajaya*. Al-Hikmah, 2: 135-159.
- Amira Nur Diana, Amir Hamzah, dan Safinaz Mohd Hussein. 2020. *Kesan sharenting kepada kanak-kanak dan implikasinya terhadap hak privasi kanak-kanak di Malaysia*. Current Legal Issues, 2: 21-52.
- Anis Shuhaiza, M. S., & Nor Azlina, M. N. 2019. *Sharenting: Implikasinya dari Perspektif Perundangan Malaysia*. Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia; Jld. 31 Bil. 1.
- Baljit Singh Sidhu. 2003. *An Overview of The Child Act 2001 and The Criminal Procedure Aspects*, [2003] 2 MLJ.
- Conger, R.D., Conger, K.J., Elder, G.H., Lorenz, F.O., & Simons, R.L., 2002. *Economic Stress, coercive family process and developmental problems of adolescents*. Child Development. 65: 541-61.
- Ghosh, R., Dubey, M. J., Chatterjee, S. & Dubey, S. 2020. *Impact of COVID-19 on children: Special focus on the psychosocial aspect*. Minerva Pediatrica. 72(3): 226-235. doi:10.23736/S0026-4946.20.05887-9.
- Golberstein E, Wen H, Miller BF. 2020. *Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) and Mental Health for Children and Adolescents*. JAMA Pediatr; 174(9): 819-820. doi:10.1001/jamapediatrics.2020.1456
- Jal Zabdi Mohd Yusof & Zulazhar Tahir. 2005. *Akta Kanak-kanak 2001: Penguatkuasaan Semula dan Tanggungjawab Ibu Bapa dan Penjaga?* Journal of Malaysian and Comparative Law, 6.
- Junaidi, R. 2020. *Persekitaran Kanak-kanak: Satu Penelitian Terhadap Novel Kanak-kanak Terpilih: Children Environment: An Analysis of Selected Children's Literature*. PENDETA, 11(1), 1-17. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/3419Sood>, S. 2020. *Psychological Effects of the Coronavirus Disease-2019 Pandemic*. RHiME7. 23- 26.
- Linda Jamaludin, & Ku Suhaila Ku Johari & Salleh Amat. 2020. *Kesan modul intervensi kaunseling berasaskan terapi bermain Adlerian terhadap kesejahteraan kanak-kanak mangsa pengabaian*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 43 (1(SI)): 31-38.
- Mireia Orgilés, Alexandra Morales, Elisa Delvecchio, Claudia Mazzeschi & José P. Espada. 2020. *Immediate Psychological Effects of the COVID-19 Quarantine in Youth From Italy and Spain*. Frontiers in Psychology, Vol. 11 Article 57903B
- Mohammad Ramzi Zakaria. 2015. *Kecuaian dan pengabaian kanak-kanak oleh ibu bapa: Kedudukannya di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan prinsip Syariah*. JUMM 19: 37-50.
- Noor Baiduri Abd Halim. 2011. *Issues and Factors of Problematic Families in Malaysia*. International Journal of Humanities and Social Science. Vol. 1 No.4: 155-159.
- Noremy Md. Akhir, Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Suhaimi .M Mohamad, & Nazirah Hassan. 2012. *Hubungan faktor dalaman penderaan fizikal terhadap*

- kanak-kanak oleh ibubapa. e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 7 (1 (spe): 1-14.
- Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mohd Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2018. *Statistik Kes Penderaan Kanak-Kanak Di Malaysia: Satu Analisis*. International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled, Vol. 5, (Oct.):17-24
- Nur Hafizah Yusoff, & Muhammad Ridhwan Sarifin. 2021. *Reaksi masyarakat Malaysia terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa penularan wabak COVID-19*. AKADEMIKA, 91(2).
- Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa Yusof & Zuliza Mohd Kusrin. 2019. *Tinjauan literatur faktor pengabaian kanak-kanak di Malaysia*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences 2(1): 016-028. Penerbit Press Universiti Teknologi Mara.
- Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa Yusof & Zuliza Mohd Kusrin. 2019. *Pengabaian Kanak-Kanak dan Jaminannya Menurut Syarak dan Undang-Undang di Malaysia*. Journal of Contemporary Islamic Law, 4(1): 18-28.
- Steinberg, S. 2016. *Sharenting: Children's privacy in the age of social media*. Emory Law Journal, 66, 839.
- Suhaizad Saifuddin, Azizah Mat Rashid, Adibah Bahori, Mohamad Azhan Yahya. 2021. *Peranan Undang-Undang Syariah Di Malaysia Dalam Melindungi Hak Kanak-Kanak Berdasarkan Maqasid al-shari'ah*. Journal of Muwafaqat, 4(1): 93-109.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Norazinah Yusuf. 2012. *Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri*. Jurnal Hadhari Special Edition: 155-172.

### Seminar

- Ab Razak, N. H., & Aziz, A. R. 2020. *Perkembangan Sosial Dan Emosi Kanak-Kanak: Kesan Penjarakan Sosial Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Dan Pendekatan Dalam Membantu*. 3<sup>rd</sup> International Seminar On Islam And Science 2020 (SAIS 2020) COVID-19: Implication, Impact And Solution. Universiti Sains Islam Malaysia, 448-455.
- Adi Fahrudin & Mohd Dahlan Hj. A. Malek. 2014. *Kefungsian Keluarga: Konsep dan Indikator Pengukuran dalam Penyelidikan*. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga.

### Laporan

- ASEAN Policy Brief. 2020. Economic Impact of COVID-19 Outbreak on ASEAN (April). [https:// asean.org/storage/2020/04/ASEAN-Policy-BriefApril-2020\\_FINAL.pdf](https://asean.org/storage/2020/04/ASEAN-Policy-BriefApril-2020_FINAL.pdf).
- Diane DePanfilis. 2018. Child Protective Services: A Guide for Caseworkers. U.S. Department of Health and Human Services, Administration for Children and Families, Administration on Children, Youth and Families, Children's Bureau, Office on Child Abuse and Neglect, 2018. 57-80. <https://www.childwelfare.gov/pubs/usermanuals/>
- Tomlinson, M., Walker, R., & Williams, G. 2008. Child Poverty and Well-being in the here and now. [http://www.cpag.org.uk/sitebs/default/files/CPAG\\_Poverty129\\_childwellbeing.pdf](http://www.cpag.org.uk/sitebs/default/files/CPAG_Poverty129_childwellbeing.pdf).
- World Health Organization. 1999. Report of The Consultation on Child Abuse Prevention. Geneva.

### Statut

- Akta Kanak-Kanak 2001  
Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004  
Kanun Keseksaan Akta 574

### **Tesis**

Norhayati Mohd Noor. 2012. Proses kaunseling keluarga dalam kalangan pengamal kaunseling keluarga di Malaysia. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **Laman Sesawang**

Doshi-Ghandi, Anjli. 2014. Takrifan penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Positive Parenting. <http://familyrepository.lppkn.gov.my> (diakses pada 20 Oktober 2021)

Kementerian Kesihatan Malaysia. t.t. Portal MyHEALTH. <http://www.myhealth.gov.my/> (diakses pada 20 Oktober 2021)

Mohamad Ika Danial 'Abdullah. 2021. Kemiskinan Digital Halang Pendidikan Berkualiti. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1931493> (diakses pada 31 Januari 2022)

Mohamed Farid Noh. 2019. Cuai Punca Kanak-Kanak Ditinggalkan Berseorangan. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/03/537535/cuai-punca-kanak-kanak-ditinggalkan-berseorangan> (diakses pada 20 Oktober 2021)

Muhammad Amnan Ibrahim. 2021. PKP Beri Ruang Cetus Tabiat Buruk Pendera Kanak-Kanak. <https://www.sinarharian.com.my/article/121761/berita/nasional/pkp-beri-ruang-cetus-tabiat-buruk-pendera-kanak-kanak> (diakses pada 20 Oktober 2021)

O'Neill, J. 2015. The Disturbing Facebook Trend of Stolen Kids Photos. <https://www.yahoo.com/news/mom-my-son-was-digitally-kidnapped-what-112545291567.html> (diakses pada 23 Oktober 2021)

Rubiah Omar. 2021. PKP: Aduan Tak Beri Nafkah, Cerai Meningkatkan. <https://www.sinarharian.com.my/article/161492/edisi/pkp-aduan-tak-beri-nafkah-cerai-meningkat> (diakses pada 23 Oktober 2021).

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*